

Tarikh Dibaca: 08 DIS 2017M I 19 RABIULAWAL 1439H

KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

***“RAJA DAN RAKYAT BERPISAH
TIADA”***

Terbitan:

Unit Khutbah

Bahagian Pengurusan Masjid

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR



SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR 2017

- 1. SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim (Pengerusi)
Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor**
- 2. Tuan Haji Mohd Basori Bin Umar (Ahli)
Timbalan Pengarah (Operasi), Jabatan Agama Islam Selangor**
- 3. Ketua Penolong Pengarah, (Setiausaha)
Bahagian Pengurusan Masjid, Jabatan Agama Islam Selangor**
- 4. SS. Dr. Haji Anhar Bin Haji Opir (Ahli)
Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor**
- 5. Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya (Ahli)
Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah**
- 6. Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid (Ahli)
Pegawai Majlis Agama Islam Selangor**
- 7. Tuan Haji Abdul Halem Hapiz Bin Salihin (Ahli)
Ketua Penolong Mufti (Fatwa), Jabatan Mufti Negeri Selangor**
- 8. Dato' Haji Abdul Majid Bin Omar (Ahli)
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor**
- 9. Yg. Berbahagia Dr. Haji Osman Bin Haji Sabran (Ahli)
Pesara Kerajaan**
- 10. Tuan Haji Hamid Bin Md Isa (Ahli)
Pensyarah, Kolej Universiti Islam Selangor**
- 11. Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullah (Ahli)
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor**



“RAJA DAN RAKYAT BERPISAH TIADA”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا
تَفَرَّقُوا¹

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ
أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أُوْصِيكُمْ
وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:
يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا
وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Marilah kita berusaha mempertingkatkan ketakwaan kita ke hadrat Allah SWT, kerana sesungguhnya sifat takwa itu pasti menjamin kehidupan yang lebih selesa, harmoni, bahagia serta sejahtera di dunia dan di akhirat.

Sempena menyambut Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor kali ke 72 beberapa hari lagi, marilah kita semua sebagai umat Islam di negeri Selangor, memohon doa kepada Allah, semoga tuanku berada dalam sihat dan afiat, selamat dan sejahtera hendaknya.

¹ Ali-Imran : 103



Pada hari Jumaat yang mulia ini, khutbah kita bertajuk **“RAJA DAN RAKYAT BERPISAH TIADA”**.

Hadirin yang dikasihi Allah sekalian,

Allah SWT berfirman dalam surah an-Nur ayat 55:

وَعَدَ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنكُمْ وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ
لَيَسْتَخْلِفَنَّهُمْ فِي الْأَرْضِ كَمَا اسْتَخْلَفَ الَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ
وَلِيُمَكِّنَنَّ لَهُمْ دِينَهُمُ الَّذِي ارْتَضَىٰ لَهُمْ

“Allah menjanjikan orang-orang yang beriman dan beramal soleh dari kalangan kamu (Wahai umat Muhammad) bahawa Dia akan menjadikan mereka khalifah-khalifah yang memegang kuasa pemerintahan di bumi, sebagaimana Dia telah menjadikan orang-orang yang sebelum mereka: khalifah-khalifah yang berkuasa dan Dia akan menguatkan dan mengembangkan agama mereka (agama Islam) yang telah diredhai-Nya untuk mereka”.

Menurut Ibnu Kathir dalam tafsirnya, antara intisari ayat ini menyatakan bahawa Allah yang menjadikan umat manusia sebagai khalifah di muka bumi, iaitu menjadi pemimpin umat manusia, dan penguasa mereka. Di tangan merekalah negeri-negeri akan menjadi baik, umat manusia patuh kepada mereka.

Muslimin sekalian,

Sesungguhnya, hubungan mesra antara raja dan rakyat merupakan amalan tradisi turun temurun semenjak dahulu, sama ada dalam konteks kepimpinan Islam atau semenjak zaman Kesultanan Melayu di Melaka. Rakyat dididik supaya hormat dan taat setia yang tidak berbelah bagi



kepada raja. Titah raja di junjung, nasihat raja dipatuhi dan wasiat raja menjadi panduan.

Sebenarnya tradisi itu tidak bercanggah dengan ajaran Islam berdasarkan hadis daripada Abdullah bin Amru Radiallahu Anhuma bahawa Rasulullah SAW bersabda:

السَّمْعُ وَالطَّاعَةُ عَلَى الْمَرْءِ الْمُسْلِمِ فِيمَا أَحَبَّ وَكَرِهَ،
مَا لَمْ يُؤْمَرَ بِمَعْصِيَةٍ، فَإِذَا أُمِرَ بِمَعْصِيَةٍ فَلَا سَمْعَ وَلَا
طَاعَةَ

"Mendengar dan mentaati perintah ketua itu satu kewajipan setiap orang Islam, sama ada perkara yang dia suka atau benci selama mana tidak di suruh berbuat maksiat. Apabila di suruh melakukan maksiat, maka janganlah dengar dan mentaatinya"

(Riwayat al-Bukhari).

Hadirin yang dikasihi Allah,

Islam mula bertapak di gugusan kepulauan Melayu, melalui pendakwah yang datang dari luar termasuk sebagai pedagang. Sifat raja-raja Muslim yang sangat baik, berdisiplin, hormat menghormati dan berpandangan jauh, ia telah memudahkan lagi kerja-kerja penyampaian dakwah oleh para pendakwah dan pengembangan Islam di rantau ini.

Pendakwah ini melaksanakan dakwahnya di Nusantara melalui tiga peringkat sebagaimana yang disebutkan dalam buku bertajuk Sultan-sultan Soleh Di Nusantara karangan Hasanuddin Yusof

Peringkat pertama: Berdakwah kepada raja secara langsung, sebagaimana Maulana Aziz berdakwah kepada Parameswara.

Peringkat kedua: Berdakwah kepada putera dan kerabat di raja,



sebagaimana pengislaman kepada Pangeran Cakrabuana yang beragama Hindu.

Peringkat Ketiga: Pendakwah itu sendiri mendirikan kerajaan Islam, sebagaimana Sultan Syariful Hashim dari Hadramaut mendirikan kerajaan di Sulu, yang mendapat sokongan padu penduduk di situ.

Sikap pendakwah yang bijaksana dan penuh hikmah ini telah berjaya menyebarkan Islam ke alam Melayu. Ini bertepatan dengan perintah Allah SWT agar berdakwah dengan berhikmah menerusi firman-Nya dalam surah al-Nahl ayat 125:

صد

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ
وَجَدِلْ لَهُم بِأَلَّتِي هِيَ أَحْسَنُ

"Serulah ke jalan Tuhanmu (Wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbicara dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik..."

Hadirin yang dikasihi Allah sekalian,

Sifat taat setia rakyat kepada raja, yang menjadi adat budaya dalam masyarakat ketika itu, memudahkan rakyat menganut agama Islam apabila melihat raja mereka menerima agama tersebut. Ini bermakna raja turut berperanan mengislamkan rakyat selain daripada hidayah Allah SWT. Oleh itu sewajarnya institusi beraja di Negara kita dipelihara dan dipertahankan, supaya syariat Islam terus berkembang hingga ke hari kiamat.

Pelantikan seseorang ketua dalam sesebuah masyarakat amat penting. Menurut Ibnu Khaldun dalam Muqaddimah, sesebuah masyarakat tidak dapat dipisahkan daripada wujudnya seorang pemimpin,



sama ada pemimpin itu bergelar imam, khalifah, sultan, raja atau sebagainya.

Oleh itu, menjadi kewajipan setiap rakyat mentaati seseorang ketua yang telah di angkat menjadi pemimpin atau raja, sebagaimana Imam al-Mawardi menyatakan dalam kitab al-Ahkam al-Sultaniyyah bahawa jumur ulama ahli sunnah wal jamaah berpendapat, adalah menjadi kewajipan fardu ain ke atas orang Islam, mentaati pemerintah.

Ini berdasarkan firman Allah SWT dalam surah al-Nisaa' ayat 59:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي
الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِن تَنَزَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِن
كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ ءَآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا ﴿٥٩﴾

"Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (Al-Quran) dan (Sunnah) Rasul-Nya - jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya".

Muslimin sekalian,

Merujuk kepada lembaran sejarah, seorang raja bernama Raja Haji yang dikenali sebagai Raja Haji Fi Sabilillah, telah ditabalkan sebagai Yang Di Pertuan Muda Riau ke-4, tahun 1777M. Baginda adalah adik kepada Raja Lumu iaitu Sultan Selangor yang pertama. Baginda amat terkenal sebagai raja yang soleh lagi sufi, dan pahlawan yang perkasa yang berani



menentang penjajah. Baginda bersama tenteranya telah melancarkan serangan ke atas tentera Belanda. Walau bagaimanapun, oleh kerana tentera Belanda amat kuat, akhirnya tentera Islam pimpinannya tidak berjaya. Raja Haji gugur syahid ketika melakukan serangan ke atas pengkalan Maritim Belanda di Teluk Ketapang, Melaka pada tahun 1784M dan disemadikan di Teluk Ketapang, Melaka sebelum dipindahkan ke Pulau Penyengat.

Apa yang menarik perhatian, terdapat beberapa wasiat peninggalannya yang ditujukan kepada orang Melayu beragama Islam, antaranya:

1. Bahawasanya Melayu tidak sesekali ghaib daripada bumi yang Allah telah takdirkan untuknya. Semuanya akan diwariskan Allah kepada Raja yang adil lagi saksama, dan pembesar yang mukmin dan mukminat untuk memerintah.
2. Peperangan menentang penjajah, adalah untuk mengembalikan tanah, udara, air dan laut yang telah di rampas oleh penjajah.
3. Sesungguhnya orang-orang Islam adalah bersaudara, dan kita tidak akan kalah dalam mana-mana peperangan pun, jika kita bersatu padu ke jalan Allah.

Sesungguhnya, moyang poyangku bukanlah mahu di sanjung-sanjung dan di megah-megah, memadailah ku katakan apa yang kami inginkan ialah bangsa kita, hidup bermaruah dan mempunyai kehormatan diri.

Sesungguhnya wasiat yang ditinggalkan baginda ini adalah suatu peringatan dan pengajaran yang sangat penting kepada kita. Di samping ia selaras dengan konsep memelihara maqasid syariah, iaitu memelihara



agama, nyawa, keturunan, akal dan harta.

Hadirin sidang Jumaat sekalian,

Setelah kita meneliti dan memahami betapa besarnya peranan seseorang raja atau pemimpin terhadap rakyatnya, marilah kita sama-sama mengambil perhatian terhadap saranan berikut:

1. Umat Islam mestilah yakin bahawa Islam adalah agama yang sempurna yang diturunkan Allah untuk menyelamatkan manusia di dunia dan di akhirat.
2. Umat Islam wajib taat setia kepada raja atau ketua pada perkara yang tidak bertentangan dengan syarak.
3. Umat Islam dilarang menderhaka kepada pemimpin yang adil, kerana balasan buruk akan menimpa mereka di akhirat kelak.
4. Umat Islam hendaklah menyedari bahawa musibah dan kehinaan akan menimpa sekiranya mereka berpecah, berhasad dengki dan buruk sangka sesama sendiri

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَلَا تَنَازَعُوا فَتَفْشَلُوا وَتَذْهَبَ رِجَاكُمْ^ص
وَأَصْبِرُوا إِنَّ اللَّهَ مَعَ الصَّابِرِينَ

"Dan Taatlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya, dan janganlah kamu berbantah-bantahan; kalau tidak nescaya kamu menjadi lemah semangat dan hilang kekuatan kamu, dan sabarlah (menghadapi segala kesukaran dengan cekal hati); Sesungguhnya Allah beserta orang-orang yang sabar.

(al-Anfal : 46).



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ
هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Majid/Nurul

28.11.2017



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى
آلِهِ وَصَحْبِهِ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ
الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ،
أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan supaya kita sentiasa bertakwa kepada Allah SWT dan menyedari bahawa Islam mengajar kita supaya bersikap sederhana dalam segala amalan. Kita amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi kerana Rasulullah SAW diutus untuk menyempurnakan akhlak dan sebagai rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam. Oleh itu marilah kita sentiasa memperbanyakkan solawat dan salam ke atas Nabi kita Muhammad SAW. Firman Allah SWT:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا
صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.



اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ
الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ
وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ
قَرِيبٌ مُجِيبٌ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ
أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ
وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَانصُرْنَا
عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ،
وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ
تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ
الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانَ
سَلَاطُورِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ اَدْرِيسِ شَاهِ
الْحَاجِ، ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ
الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهِدَايَةَ
وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِيَوْلِيَّ عَهْدِ
سَلَاطُورِ، تَغْكُو أَمِيرِ شَاهِ، ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ



الدِّينِ ادریس شاه الحاج، فِي اَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ
بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلُ
عُمْرَهُمَا، مُصْلِحِيْنَ لِلْمُؤَظَّفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ،
وَبَلِّغْ مَقاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدٰى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkeadilan dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai ketua agama Islam di negeri ini.

Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, terimalah amalan soleh kami, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, satukanlah hati-hati kami, kurniakanlah kami rezeki yang luas lagi barakah, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, lindungilah kami daripada bala bencana dan peliharalah kami daripada ajaran yang terkeluar daripada Islam seperti Qadyani dan ajaran sesat seperti Syiah, serta ajaran-ajaran lain yang difatwakan menyeleweng dari ajaran Islam atau bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Ya Allah bukannya hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfaqkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor.



رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً
وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعْظُمُ لِعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩﴾
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ وَأَشْكُرُوهُ عَلَىٰ
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.
